



---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011**

---

**PRINSIP PERAKAUNAN**

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

**3**  
**7**  
**5**  
**6**  
**2**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab semua soalan dalam **Bahagian A** dan dua soalan dalam **Bahagian B**.*
3. *Tulis jawapan anda pada **Kertas Helaian Tambahan** yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.*
4. *Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.*
5. *Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.*
6. *Mulakan tiap-tiap jawapan pada helaian yang baru.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*
8. *Semua kerja jawapan hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

**[Lihat halaman sebelah**  
**SULIT**



## **MAKTAB RENDAH SAINS MARA**

---

### **PEPERIKSAAN PERCUBAAN MARA**

### **SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011**

---

#### **PRINSIP PERAKAUNAN**

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

3  
7  
5  
6  
2

---

#### **JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab semua soalan dalam Bahagian A dan dua soalan dalam Bahagian B.*
3. *Tulis jawapan anda pada Kertas Helaian Tambahan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.*
4. *Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.*
5. *Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.*
6. *Mulakan tiap-tiap jawapan pada helaian yang baru.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*
8. *Semua kertas jawapan hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

**Bahagian A**

[ 60 markah ]

*Jawab semua soalan*

- 1 (a) Nyatakan dua pengelasan aset perniagaan. [2 markah]  
(b) Berikan rumus persamaan perakaunan. [2 markah]  
(c) Rekod urus niaga berikut ke dalam Jurnal Am.

2011 September 10 : Belian perabot secara kredit daripada Kedai Perabot Ameen sebanyak RM1 800.

**Jurnal Am**

Tarikh	Butir	F	Debit (RM)	Kredit (RM)
2011 Sept 10			1 800	1800

[2 markah]

- (d) Berikan dua jenis akaun nominal bagi sebuah perniagaan. [2 markah]  
(e) Nyatakan jenis dokumen perniagaan berdasarkan fungsi-fungsi berikut :  
(i) Dokumen perniagaan yang diserahkan oleh penjual kepada pembeli apabila urus niaga secara kredit dijalankan.  
(ii) Dokumen perniagaan yang dihantar oleh penjual kepada pembeli untuk memaklumkan pembeli bahawa akaunnya telah dikreditkan bagi mengurangkan hutang atas sebab pemulangan barang yang rosak.

[2 markah]

- 2 Fatini dan Nazmi telah bersetuju dalam perkongsian mereka untuk berkongsi untung rugi dengan nisbah 2 : 3. Berikut adalah Imbangan Duga yang dipetik daripada buku perkongsian pada 31 Disember 2010:

	<b>Debit RM</b>	<b>Kredit RM</b>
Modal pada 1 Januari 2010:		
Fatini	14 880	
Nazmi	22 320	
Premis	37 000	
Lengkapan, pada kos	1 800	
Kenderaan, pada kos	5 000	
Ambilan – Fatini	1 970	
Ambilan – Nazmi	3 850	
Sewa	2 800	
Gaji	10 100	
Angkutan masuk	470	
Angkutan keluar	893	
Pulangan	950	
Belian dan Jualan	60 900	100 500
Insurans	3 730	
Kadar bayaran	780	
Penghutang dan Pembiutang	12 600	9 100
Peruntukan hutang ragu		370
Diskaun	830	180
Faedah atas pinjaman	680	
Pinjaman bank (matang 2012)		7 500
Tunai di bank	10 667	
Stok awal, pada 1 Januari 2010	6 790	
Susut nilai terkumpul lengkapan		360
Susut nilai terkumpul kenderaan		1 000
	159 010	159 010

**Maklumat tambahan pada 31 Disember 2010 :**

- (i) Susut nilai dikira berasaskan polisi berikut :

Lengkapan - 10% setahun (kaedah garis lurus)

Kenderaan - 20% setahun (kaedah baki berkurangan)

- (ii) Peruntukan hutang rugu diselaraskan 2% atas penghutang.
- (iii) Fatini menerima gaji RM2 500 setahun.
- (iv) Pekongsi menerima faedah atas modal 5% setahun berdasarkan baki akaun pada 1 Januari 2010.
- (v) Stok akhir dinilaikan pada RM5 890.
- (vi) Belanja-belanja terakru pada 31 Disember 2010 :

	RM
Gaji	1 000
Faedah atas pinjaman	375
Kadar bayaran	450

- (vii) Sewa diterima terakru RM800.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010.

(Termasuk pengasingan untung rugi.) *[17 markah]*

- (b) Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2010.

*[8 markah]*

- 3** Kilang Pot Tree merupakan perniagaan yang terlibat dengan pengeluaran pasu tembikar. Maklumat berikut diperoleh daripada rekod perniagaan pada 30 Jun 2011:

	<b>1 Julai 2010</b> <b>RM</b>	<b>30 Jun 2011</b> <b>RM</b>
Stok barang siap	23 692	24 830
Stok bahan mentah	9 880	11 310
Kerja dalam proses	5 135	14 225
Alat tulis kilang	70	135
 Mesin (kos)		146 200
Susut nilai terkumpul mesin		87 700
Lengkapan kilang (kos)		61 740
Susut nilai terkumpul lengkapan kilang		11 050
Jualan		455 000
Gaji jurujual		15 925
Belian bahan mentah		112 309
Upah langsung		146 185
Upah buruh tak langsung		36 400
Angkutan masuk bahan mentah		2 000
Bahan bakar		4 050
Sewa		29 250
Insurans		30 000
Kadar bayaran		15 240
Royalti kilang		10 800
Belanja membaiki mesin		11 700
Belanja am		1 650
Belian alat tulis kilang		200

**Maklumat tambahan:**

- (i) Mesin disusutnilaikan pada kadar 10% setahun atas kos dan lengkapan disusutnilaikan 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (ii) 70% daripada sewa dan kadar bayaran adalah untuk kilang.
- (iii) Dua perlima daripada insurans adalah untuk kilang manakala selebihnya adalah untuk pejabat.
- (iv) Belanja am diagihkan antara pejabat dan kilang mengikut nisbah 2 : 3.
- (v) Belanja membaiki mesin terakru RM1 500.
- (vi) Upah buruh tak langsung terdahulu RM2 000.
- (vii) Angkutan masuk bahan mentah telah tertinggal catat RM240.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2011. [19 markah]
- (b) Berikan maksud kos tetap dan kos berubah berserta contoh. [4 markah]
- (c) Berikan maksud kerja dalam proses dan elemen-elemen yang dinilai. [2 markah]

**Bahagian B**

[40 markah]

*Jawab dua soalan sahaja*

- 4 Berikut adalah ringkasan Akaun Penerimaan dan Pembayaran yang diambil daripada Buku Tunai Kelab Sukan Goldcourse bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010:

<b>Penerimaan</b>	<b>RM</b>	<b>Pembayaran</b>	<b>RM</b>
Jualan tunai restoran	73 000	Upah pekerja restoran	6 000
Yuran ahli	45 000	Peralatan restoran	5 000
Skim keahlian seumur hidup	2 750	Belian tunai restoran	46 500
Bayaran pertandingan	5 000	Gaji pekerja	14 000
		Belanja am	900
		Belanja iklan	3 600
		Insurans	2 100
		Surat khabar	220
		Hadiah pertandingan	2 000
		Elaun perjalanan	1 100
		Sewa	45 000

Maklumat berikut diambil daripada buku Kelab Sukan Goldcourse pada 31 Disember :

	<b>2009</b> <b>RM</b>	<b>2010</b> <b>RM</b>
Peralatan restoran	8 100	12 000
Tunai di tangan	275	420
Tunai di bank	1 100	?
Yuran tertunggak	1 600	2 100
Yuran terdahulu	1 200	800
Gaji pekerja terakru	-	450
Surat khabar terakru	35	-
Insurans terdahulu	200	500
Stok restoran	600	800

**Maklumat tambahan:**

- (i) Pada 1 Januari 2010, 5 orang ahli telah menyertai skim keahlian seumur hidup dengan membayar RM550 seorang. Kelab telah menetapkan hasil kutipan yuran tersebut dianggap sebagai pendapatan hasil.
- (ii) Satu pertiga daripada sewa, insurans dan belanja iklan adalah berkaitan dengan restoran.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Penyata mengira dana terkumpul awal kelab pada 1 Januari 2010.  
[3 markah]
- (b) Akaun Perdagangan Restoran bagi tahun berakhir 31 Disember 2010.  
[6 markah]
- (c) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010.  
[11 markah]

- 5 Cik Nur Qaseh, pemilik Qaseh Collections telah memulakan perniagaannya tiga tahun yang lalu dengan menjual pelbagai jenis cenderamata di Bandar Melaka. Berikut adalah merupakan maklumat yang diperoleh daripada perniagaannya:

	RM
Baki di bank	25 000
Baki di tangan	2 500
Premis	90 000
Stok	15 000
Penghutang	5 500
Pembiutang	3 700

Bagi memperkembangkan perniagaannya, beliau ingin membuat pinjaman daripada SME Bank Berhad sebanyak RM30 000. Pihak bank telah meminta beliau untuk menyediakan satu penyata belanjawan tunai perniagaannya untuk tempoh tiga bulan yang berakhir 31 Julai 2011 bagi tujuan tersebut.

Berikut adalah anggaran penerimaan dan pembayaran bagi tempoh tiga bulan berakhir 31 Julai 2011:

- (i) Belian cenderamata pada bulan Mei dan Jun adalah RM15 000 setiap bulan dan akan bertambah sebanyak 10% pada bulan berikutnya.
- (ii) Pinjaman daripada SME Bank Bhd dijangka akan diterima pada 1 Jun 2011 berkadar faedah 5% setahun dengan tempoh bayaran balik selama 5 tahun. Ansuran bayaran balik pokok dan faedah akan dibuat pada setiap awal bulan bermula bulan Julai.
- (iii) Anggaran perbelanjaan bulanan:

	RM
Gaji pekerja	2 000
Sewa kedai	1 500

- (iv) Anggaran jualan bagi bulan Mei dan Jun adalah RM18 000 dan RM20 000 masing-masing dan dijangka meningkat 15% pada bulan Julai.

- (v) Perbelanjaan bagi tujuan iklan dan promosi adalah RM700 untuk bulan Mei dan Jun dan akan berkurang sebanyak 5% pada bulan berikutnya.
- (vi) Pembelian sebuah kenderaan yang bernilai RM50 000 dijangka akan dibuat pada bulan Jun dengan bayaran pendahuluan RM5 000. Bakinya akan dibayar secara ansuran sebanyak lima kali bermula pada bulan Julai.
- (vii) Penerimaan daripada penghutang akan diterima pada bulan Jun dan Julai dengan kadar 40% daripada baki penghutang.
- (viii) Pembayaran sebanyak 65% kepada pembiutang akan dibuat pada akhir bulan Julai dan bakinya akan dibayar pada bulan September.

**Anda dikehendaki :**

- (a) Menyediakan Penyata Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Julai 2011.  
[15 markah]
- (b) Mengira varian, sekiranya jumlah penerimaan sebenar adalah RM92 500 dan pembayaran sebenar adalah RM60 500. Berikan rumusan anda.  
[3 markah]
- (c) Menyatakan dua kepentingan Belanjawan Tunai bagi sesebuah perniagaan.  
[2 markah]

**6** Maklumat berikut diperoleh daripada buku Surati Enterprise pada 1 Julai 2011:

	<b>RM</b>
Baki debit Lejar Belian	4 500
Baki kredit Lejar Belian	23 810
Baki debit Lejar Jualan	15 910

Sepanjang bulan Julai 2011, urus niaga berikut telah berlaku:

	<b>RM</b>
Belian tunai	5 280
Jualan tunai	27 500
Belian kredit	18 120
Jualan kredit	9 780
Pulangan keluar	860
Peruntukan hutang ragu	841
Diskaun diberi	1 455
Diskaun diberi dibatalkan	205
Cek pelanggan diterima tidak laku	1 300
Pembayaran kepada pembekal	15 789
Yuran guaman dikenakan kepada pelanggan	430
Pindahan baki daripada lejar jualan ke lejar belian	2 600
Penerimaan cek daripada pelanggan (termasuk hutang lapuk terpulih RM690)	11 350

Pada 1 Ogos 2011, maklumat berikut diperoleh:

Baki debit dalam Lejar Belian	295
Baki kredit dalam Lejar Jualan	480

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Kawalan Pemutang [9 markah]
- (b) Akaun Kawalan Penghutang [11 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**